

03 JAN 2000

ABDULLAH MINTA SEMUA SOKONG CALON DR MAHATHIR JADI PRESIDEN PARTI

KEPALA BATAS, 3 Jan (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua anggota Umno supaya menyokong cadangan pencalonan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti sekali lagi.

"Kita harap semua akan beri sokongan kepada pencalonan (jawatan Presiden kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan harap tiada siapa-siapa dicadang untuk jawatan itu," katanya pada sidang berita selepas menyampaikan bantuan Hari Raya di Bakar Kapor di sini.

Abdullah yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden parti mengulas cadangan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang mencadangkan Dr Mahathir dan dirinya masing-masing dicalonkan sebagai Presiden UMNO dan Timbalan Presiden UMNO tanpa bertanding.

Mengenai cadangan pencalonannya, Abdullah berkata, beliau merasa terharu dan mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota MT yang menghendaknya sebagai Timbalan Presiden Umno.

Katanya, Ketua-Ketua Perhubungan Umno di seluruh negara akan membawa keputusan MT itu kepada semua Ketua-Ketua Bahagian Umno.

Beliau berkata, beliau tidak menyangka mesyuarat MT pagi tadi membuat keputusan seumpama itu.

-- BERNAMA

AHM FAZ